

05 JUL 1996

S46 MASIH TARUH HARAPAN RUNDING DENGAN PAS

PASIR PUTEH, 5 Julai (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah berkata partinya masih menunggu dan menaruh harapan untuk berunding dengan Pas bagi menyelesaikan masalah yang timbul jika diberi peluang.

"Lebih-lebih lagi jika ia berkaitan dengan perpaduan orang Melayu," katanya ketika berucap pada perjumpaan dengan orang ramai di Kompleks Penggawa, Selising dekat sini hari ini.

Beliau berkata penyelesaian masalah orang Melayu mengatasi segala-galanya dan orang Melayu sendiri perlu melihat kedudukan mereka selepas 45 tahun untuk mencari jalan menjayakan perjuangan menegakkan bangsa.

Dalam hubungan itu beliau berkata tiada gunanya mengkritik Umno sebagai wadah perjuangan orang Melayu dari luar kerana orang tidak akan menerimanya dan kerana itu beliau mengambil keputusan kembali ke pangkuan Umno semula.

"Bagi masa depan orang Melayu, kita kena berpakat dengan Umno, walau apapun yang dibuatnya ia tetap demi masa depan orang Melayu," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya, pertemuan-pertemuan itu bertujuan mencari jalan untuk menyelamatkan orang Melayu dalam tempoh 50 tahun akan datang.

-- BERNAMA

WM AHH